



MAJLIS DAERAH TANGKAK
JALAN SIALANG,
84900 TANGKAK, TANGKAK,
JOHOR DARUL TA'ZIM

NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 2 & 3 (PINDAAN)
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN
MAJLIS DAERAH TANGKAK

TARIKH : 10 APRIL 2020

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2 & 3 yang berkuatkuasa bermula 1 April 2020 hingga 28 April 2020, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** perniagaan yang terlibat dengan perkhidmatan penting Negara atau ("essential services") sebagaimana edaran pada 17 Mac 2020.

Manakala bagi **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI SEBAGAIMANA SEBELUM INI** sepanjang tempoh PKP diarahkan bagi dihadkan waktu operasi seperti berikut:

BIL	JENIS PREMIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1	Pusat Dialisis dan Klinik 24 Jam	Seperti Biasa
2	Kilang Elektronik & Semiconductor / Kilang Biskut / Kilang-Kilang Lain Yang dibenarkan operasi oleh MITI. (tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara)	
3	Pasar Awam / Pasar Persendirian	7.00 pagi hingga 2.00 Petang
4	Pasaraya / Kedai Runcit / Kedai Serbaneka (Termasuk Kedai Serbaneka Stesen Minyak) / Kedai Buah-Buahan dalam premis	8.00 pagi hingga 8.00 malam
5	Klinik Swasta / Farmasi / Perbankan (termasuk Mesin ATM)	
6	Pengangkutan Awam / Kaunter Tiket Bas	
7	Kedai Telekomunikasi (Maxis / Celcom / Digi / RedOne / Yes)	
8	Kedai Makanan dan Minuman / Restoran / Warung termasuk Restoran Makanan Segera (Hanya tempahan melalui talian telefon dan pandu lalu dibenarkan / Makanan Tidak boleh Dipamerkan)	
9	Stesen Minyak (Petronas / Shell / Caltex / BHP / Petron)	
10	Perniagaan yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara atau ("essential services")	
11	a) Kedai Penjualan Input Pertanian (Baja / Racun) b) Kedai Menjual Makanan Haiwan, Ubatan dan Keperluan berkaitan c) Kedai Menjual Alat Tukar Ganti (Jentera Pertanian dan Industri)	Isnin dan Khamis 8.00 pagi – 4.00 petang
12	a) Bengkel Kenderaan (Servis Biasa / Tayar / Alat Ganti) b) Kedai Hardware	Tidak Dibenarkan KECUALI ON CALL Bagi Perkhidmatan Perlu (Essential Services)
13	Semua aktiviti Penjaja, Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Tani, Food Truck, Anjung Selera, Gerai dan Seumpamanya di bawah kendalian Majlis Daerah Tangkak	Tidak Dibenarkan Beroperasi

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini BERMULA 11 APRIL 2020 HINGGA 28 APRIL 2020 selaras dengan peruntukan kepada kuasa Majlis Daerah Tangkak di bawah Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;

Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak